

# Acara Kebudayaan anjuran FPEP, UMS berlangsung meriah

NST 10/12/19 6

KOTA KINABALU: Acara Kebudayaan (Cultural Event) anjuran Program Pengurusan Pelancongan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berlangsung meriah dan turut disertai oleh pelajar mobiliti dari luar negara.

Antaranya adalah penglibatan pelajar mobiliti antarabangsa dari Thailand, China dan Gabon serta beberapa tetamu disambut meriah oleh Kursus Budaya dan Warisan Pelancongan.

Pensyarah Kursus berkenaan merangkap penganjur, Roseni Ariffin berkata, pelbagai persembahan kebudayaan dipersembahkan termasuk nyanyian dan tarian.

"Antara persembahan tarian yang disukai oleh para pelajar mobiliti antarabangsa adalah Sumazau, Ngajat, Hula Dance dan Bollywood. Ia dimeriahkan lagi dengan persembahan lagu-lagu popular tempatan masa kini.

"Selain itu, program ini turut menyajikan makanan berkonsepkan tradisional seperti ambuyat, kari ayam, hinava, pinasakan, acar, basung goreng, linopot, sambal belacan, kangkung belacan, buah tembikai dan minu-

man beraneka jenis," katanya.

Menurut Roseni, acara tersebut melibatkan para pelajar yang berasal daripada pelbagai latar belakang dan masing-masing aktif mengambil bahagian termasuk dalam persembahan tarian dan nyanyian.

Katanya, para pelajar Thailand dan China juga turut serta membuat persembahan istimewa.

"Konsep seumpama ini dapat memupuk minat para pelajar mobiliti antarabangsa untuk lebih gemar dan menghayati keunikan etnik kaum di Malaysia, khususnya di Sabah," jelasnya.

Seramai 64 orang pelajar menjayakan program tersebut yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof. Madya Dr. Raman Nordin, dan Pemangku Dekan FPEP Dr. Arif Kamisan Pusiran.

Hadir sama Penyelaras pelajar mobiliti antarabangsa FPEP, Datu Razali Datuk Datu Hj. Eranza, dan Andy Lee Chen Hiung serta Pengarah Program Cultural Event, Hasnoniaty Rudding. **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**



**PERSEMBAHAN...** Pelajar dari China dan Thailand kelihatan menyertai bersama persembahan tarian.